



## SIARAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 34 /2025

### LAYANGAN WARISAN RAIH ANUGERAH INOVASI BUDAYA DI BUDAYEVERSE 2025

**Putrajaya, 30 Disember 2025** – Projek gamifikasi budaya “Layangan Warisan”, sebuah inisiatif inovatif yang menggabungkan seni tradisional wau dengan teknologi digital, telah mengharumkan nama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) apabila dianugerahkan Anugerah Sinergi Budaya bagi Inovasi Budaya sempena penganjuran BudayaVerse 2025 sebuah Ekspo Teknologi Budaya Malaysia yang menyatukan AI, budaya, kreativiti dan inovasi.

Anugerah telah disampaikan semasa acara yang berlangsung pada 27 dan 28 Disember 2025 di Dewan Melati, Presint 3, Putrajaya. Penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Naib Presiden Kanan Perkhidmatan Korporat, Perbadanan Putrajaya, YBrs. Encik Shamsul Joehari bin Zainal Mokhtar, dengan diiringi oleh Ketua Pengarah JKKN, YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Presiden CRESDO, YBrs. Ts. Shafirul Azmi bin Suhaimi, serta Setiausaha Bahagian Dasar Kebudayaan MOTAC, YBrs. Encik Wan Ashbi @ W. Maheran bin Leman,.

Projek Layangan Warisan merupakan hasil kerjasama strategik antara JKKN dan Multimedia University (MMU). Projek ini menampilkan pendekatan baharu dalam pemeliharaan warisan dengan memperkenalkan elemen permainan digital berasaskan wau tradisional secara maya, sekali gus menawarkan pengalaman interaktif, menyeronokkan dan berestetika kepada generasi masa kini.

Pendekatan gamifikasi ini membuktikan bahawa warisan budaya mampu terus relevan dan berkembang seiring kemajuan teknologi, selari dengan aspirasi untuk mendekatkan masyarakat, khususnya golongan muda, kepada khazanah seni tradisional negara.

Selain penganugerahan Anugerah Inovasi Budaya kepada JKKN, BudayaVerse 2025 anjuran *Creative and Cultural Strategic Development Organization* (CRESDO) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya sempena Festival Lentera Putrajaya turut meraikan pemenang-pemenang di bawah Anugerah Sinergi Budaya, dengan TrueXR menerima Anugerah Sinergi Terbaik, manakala Komuniti Suno AI Malaysia dianugerahkan Anugerah Impak Komuniti.

Pertandingan AI x Culture Design bagi kategori visual menyaksikan Mohd Zawawi bin Zulkafli muncul sebagai pemenang menerusi projek *“Wayang Rekaan: The Digital Balai Initiative”*, diikuti TS. Muhammad Iqbal Adnan di tempat kedua dengan projek *“Neo Kedah Digital Boutique: The Phygital Baju Kedah Experience”* dan Ho Pei Pei di tempat ketiga dengan projek *“Tissuebox”*. Bagi kategori video pula, Maulud bin Tawang merangkul tempat pertama dengan karya *“The Future We Carve”*, diikuti Mohd Hamidi Adha Mohd Amin di tempat kedua dengan karya *“AI Tukang: Preserving Hands of Heritage”* serta Ong Ann Chee di tempat ketiga dengan karya *“The AI Museum of Living Heritage”*. Selain itu, Anugerah Khas turut dianugerahkan kepada Ahmad Shahrizal bin Abdullah atas projek *“Hologram Warisan”*.

*“Anugerah ini menjadi pengiktirafan terhadap usaha JKKN dalam memartabatkan seni dan budaya negara. JKKN kekal komited memanfaatkan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI) sebagai pemangkin inovasi, di samping memperkenalkan inisiatif pemetaan budaya serta meneroka pendekatan baharu bagi memperkasa warisan tradisi seperti rebana ubi agar terus relevan.” Kata Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah JKKN.*

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](https://www.facebook.com/mysenibudaya) dan laman web JKKN.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

**Facebook:** @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

**Instagram, Twitter & You Tube:** @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi:**

|                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                        |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Naurah Daria Jainur</b><br>Unit Komunikasi Korporat<br>JKKN Ibu Pejabat<br><a href="mailto:doria@jkkn.gov.my">doria@jkkn.gov.my</a><br>Tel: 03-26148200 | <b>Nurfatin Fatini Norazlan</b><br>Unit Komunikasi Korporat<br>JKKN Ibu Pejabat<br><a href="mailto:nurfatin@jkkn.gov.my">nurfatin@jkkn.gov.my</a><br>Tel: 03-2697 2192 |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

